

# Anggota baharu perkukuh perkongsian semangat serantau

**Perdana** Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam, menyifatkan kemasukan bersejarah Timor-Leste ke dalam ASEAN sebagai detik penting mengukuhkan lagi perkongsian semangat serantau serta masa hadapan negara anggota blok berkenaan.

Berucap pada majlis perasmian Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di sini, Anwar berkata, penyertaan Timor-Leste memberi makna baharu kepada visi ASEAN yang inklusif dan bersatu padu.

“Kemasukan Timor-Leste melengkapkan keluarga ASEAN - mengukuhkan lagi masa hada-

pan bersama dan hubungan kekeluargaan serantau. Dalam komuniti ini, pembangunan serta autonomi strategik Timor-Leste akan menerima sokongan padu dan berterusan,” katanya.

Semua negara anggota ASEAN menandatangani deklarasi berkenaan, iaitu Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah; Anwar, Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet; Presiden Indonesia, Prabowo Subianto; Perdana Menteri Laos, Sonexay Siphandone; Presiden Filipina, Ferdinand R. Marcos Jr; Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong; Perdana Menteri Thailand, Anutin Charviraikul dan Perdana Menteri

Vietnam, Pham Minh Chinh; manakala Myanmar diwakili Setiausaha Tetap Kementerian Luar, U Hau Khan Sum.

Perdana Menteri Timor-Leste, Kay Rala Xanana Gusmao menandatangani deklarasi yang memuktamadkan penyertaan rasmi negaranya ke dalam ASEAN.

Turut hadir Presiden Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), Gianni Infantino; Pengarah Urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Kristalina Georgieva; Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres; Naib Presiden Bank Dunia bagi Rantau Asia Timur dan Pasifik

(EAP), Carlos Felipe Jaramillo.

ASEAN yang ditubuhkan pada 1967 kini terdiri daripada 11 anggota, iaitu Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan Timor-Leste.

Kemasukan Timor-Leste melengkapkan perwakilan Asia Tenggara dengan Kemboja negara terakhir diterima ke dalam blok itu pada 30 April 1999.

Timor-Leste memperoleh kemerdekaan pada 20 Mei 2002 dan pada 2011 negara ini secara rasmi memohon menyertai ASEAN.

Pada 2022 pemimpin ASEAN pada Sidang Kemuncak ke-40 dan ke-41 di Phnom Penh bersetuju

secara prinsip untuk menerima Timor-Leste sebagai anggota ke-11 serta memberikan status pemerhati bagi membolehkannya menyertai mesyuarat ASEAN, termasuk sidang kemuncak.

Pada Sidang Kemuncak ASEAN 2023 di Indonesia, pemimpin menerima pakai Pelan Hala Tuju Keanggotaan Penuh Timor-Leste yang fokus pengukuhan institusi, pembangunan modal insan dan sokongan pembinaan kapasiti.

Dengan kira-kira 1.4 juta populasi, Timor-Leste masih bergantung eksport minyak dan gas, manakala sektor pertanian dan perkhidmatan terus menyumbang kepada hasil negara.